

# **DASAR SUMBER AIR NEGARA**

*NATIONAL WATER RESOURCES POLICY*

Diluluskan Oleh Jemaah Menteri  
Pada 22 Februari 2012

Cetakan Kedua / *Second Printing, 2012*

Hakcipta / *Copyright*

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia

*Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia*

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbit semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, without permission in writing from the publisher.*

Diterbitkan di Malaysia oleh: / *Published in Malaysia by:*

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR MALAYSIA  
*MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT MALAYSIA*

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Dasar Sumber Air Negara = National Water Resources Policy. – Cetakan Kedua  
ISBN 978-967-0250-08-3  
1. Water resources development--Government policy--Malaysia.  
2. Water-supply--Government policy--Malaysia.  
3. Water-supply--Management--Malaysia.  
I. Malaysia. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.Jabatan Pengairan  
dan Saliran  
333.9109595

\*Gambar muka depan : Air Terjun Sri Perigi, Yan Kedah  
Sumber gambar : Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia



# KANDUNGAN

## CONTENTS

<b>Senarai Singkatan <i>List of Abbreviations</i></b>	v
<b>Kata Aluan <i>Message</i></b>	vi
<b>Prakata <i>Foreword</i></b>	viii
<b>Pengenalan <i>Introduction</i></b>	2
<b>Latar Belakang <i>Background</i></b>	4
<b>Kenyataan Dasar <i>Policy Statement</i></b>	20
<b>Rasional Dasar <i>Policy Rationale</i></b>	21
<b>Prinsip-Prinsip Dasar <i>Policy Principles</i></b>	21
<b>Objektif Dasar <i>Policy Objectives</i></b>	23
<b>Fokus Utama, Teras, Sasaran, Strategi Dan Pelan Tindakan Strategik <i>Key Cores Areas, Thrusts, Targets, Strategies And Strategic Action Plans</i></b>	24
Hala Tuju Dasar Bagi Fokus Utama 1: Jaminan Sumber Air <i>Policy Directions For Core Area 1: Water Resources Security</i>	24
Hala Tuju Dasar Bagi Fokus Utama 2: Kelestarian Sumber Air <i>Policy Directions For Core Area 2: Water Resources Sustainability</i>	35
Hala Tuju Dasar Bagi Fokus Utama 3: Perkongsian <i>Policy Directions For Core Area 3: Partnership</i>	43
Hala Tuju Dasar Bagi Fokus Utama 4: Pembinaan Keupayaan Dan Kesedaran <i>Policy Directions For Core Area 4: Capacity Building And Awareness</i>	46
<b>Daftar Kata <i>Glossary</i></b>	49
<b>Penghargaan <i>Acknowledgements</i></b>	51





Sungai Ranau, Sabah

# SENARAI SINGKATAN

## LIST OF ABBREVIATIONS

<b>DSAN / NWRP</b>	- Dasar Sumber Air Negara <i>National Water Resources Policy</i>
<b>MSAN / NWRC</b>	- Majlis Sumber Air Negara <i>National Water Resources Council</i>
<b>ICZM</b>	- Pengurusan Zon Pantai Bersepadu <i>Integrated Coastal Zone Management</i>
<b>IFM</b>	- Pengurusan Banjir Bersepadu <i>Integrated Flood Management</i>
<b>ILM</b>	- Pengurusan Tasik Bersepadu <i>Integrated Lake Management</i>
<b>IRBM</b>	- Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu <i>Integrated River Basin Management</i>
<b>ISMP</b>	- Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu <i>Integrated Shoreline Management Plan</i>
<b>IWRM</b>	- Pengurusan Sumber Air Bersepadu <i>Integrated Water Resources Management</i>
<b>NGO</b>	- Pertubuhan Bukan Kerajaan <i>Non Governmental Organisation</i>

# KATA ALUAN

## MESSAGE

**Timbalan Perdana Menteri Malaysia**  
*Deputy Prime Minister of Malaysia*



Malaysia sentiasa memberi penekanan kepada sumber air yang merupakan nadi kehidupan. Sumber air di negara ini juga berdepan dengan pelbagai isu seperti banjir, kemarau, pencemaran dan kesan perubahan iklim yang memerlukan tindakan pencegahan, pemuliharaan dan penyesuaian. Oleh yang demikian, pengurusan sumber air yang cekap dan berkesan merupakan fokus utama untuk pengekalan dan kelestarian sumber air di negara ini.

Penduduk Malaysia bertambah setiap tahun dan dijangkakan mencapai 43 juta orang pada tahun 2050. Susulan daripada pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi yang pesat, permintaan negara untuk air bagi memenuhi keperluan harian akan meningkat.

Kerajaan telah menggubal dan melaksana pelbagai strategi dan pelan tindakan untuk menangani masalah dan cabaran untuk tempoh jangka pendek dan jangka panjang bagi menguruskan kebolehdapatan dan keperluan sumber air negara. Ini merangkumi penekanan untuk mengenal pasti dan menangani jurang dankekangan yang wujud bagi mengukuhkan tadbir urus sumber air. Penekanan tersebut adalah melalui penyediaan struktur dasar seragam yang akan mengawal selia piawaian dan amalan pengurusan sumber air di negara ini.

*Malaysia has always emphasized the importance of water resources for sustenance of human life. Water resources in the country also face a range of issues such as floods, droughts, pollution and the impacts of climate change which require mitigation, rehabilitation and adaptation. Thus, efficient and effective management of water resources is a key focus for conservation and sustainability of water resources in the country.*

*The population of Malaysia is increasing each year and the country's total population is expected to reach 43 million by 2050. As a result of population increase and rapid economic development, the country's demand for water for daily needs will subsequently increase.*

*The Government has formulated and implemented various strategies and action plans to addressing the problems and concerns for both immediate and long-term to manage water resources availability and demand in the country. These include focusing on identifying the existing gaps and constraints in order to strengthen water resources governance. The emphasis will be on the provision of a uniform policy structure to regulate the standards and practices of water resources management in the country.*

Oleh yang demikian, Dasar Sumber Air Negara (DSAN) merupakan ketetapan yang penting dalam menggariskan strategi dan pelan tindakan untuk menangani isu dan cabaran dalam menguruskan sumber air.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat semua pihak, khususnya kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan Wilayah Persekutuan serta jabatan/agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan sumber air untuk berkerjasama merealisasikan pelaksanaan pengurusan sumber air negara secara bersepadu. DSAN juga memberi potensi dan peluang yang besar bagi mencapai pengurusan sumber air negara ini secara lestari, dan seterusnya menyokong agenda pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

*Hence, the National Water Resources Policy (NWRP) that has been formulated is an important resolution in outlining the strategies and action plans to address the issues and challenges managing water resources.*

*It is the desire of the government to ensure that all parties, especially the federal government, the state governments, and the Federal Territories, as well as the departments/agencies directly involved in water resources management, work in close cooperation in implementing water resources management in an integrated manner. NWRP also provides great potential and opportunities for the sustainable management of water resources in the country and hence facilitate the nations economic development agenda as well as promote greater benefits for the people in Malaysia.*



**Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin**  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia  
*Deputy Prime Minister of Malaysia*

# PRAKATA

## FOREWORD

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia**  
*Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia*



Penggubalan Dasar Sumber Air Negara (DSAN) bagi Malaysia merupakan satu langkah strategik ke arah memastikan keperluan air untuk semua sektor pengguna dipenuhi dari segi kuantiti dan kualiti untuk manusia dan juga alam sekitar. DSAN memberikan hala tuju dan strategi yang jelas dalam menguruskan sumber air negara bagi bekalan sumber air yang terjamin dan lestari. DSAN juga boleh dijadikan platform bagi penyelarasan amalan dan pendekatan dalam penyediaan pelan pemuliharaan sumber air yang melibatkan semua negeri di Malaysia. Dalam masayang sama, usahabagi meningkatkan keupayaan semua pihak yang berkepentingan dalam tadbir urus sumber air akan diberikan perhatian yang serius.

Pengurusan sumber air memerlukan pembangunan maklumat yang piawai, terselaras dan bersepadu untuk dikongsi bersama oleh pihak berkepentingan dalam pengurusan air terutama kerajaan negeri di seluruh negara. Ini akan memudahkan pelaksanaan pengurusan sumber air bersepadu dalam melindungi integriti sumber air, alam sekitar, ekosistem dan warisan semula jadi.

Pendekatan bersepadu yang digariskan dalam DSAN melibatkan kolaborasi pihak berkepentingan ke arah memastikan jaminan dan kelestarian sumber air, seterusnya pencapaian matlamat bersama bagi menangani pelbagai perkara dan keutamaan tadbir urus sumber air.

*The formulation of the National Water Resources Policy (NWRP) for Malaysia is a strategic move towards ensuring that the demand for water for all user sectors is met in terms of quantity and quality for both man and nature. NWRP provides clear directions and strategies in water resources management to ensure water security and sustainability. The NWRP also serves as a platform in the streamlining of practices and approaches for the preparation of water resources conservation plans involving all the states of Malaysia. At the same time, efforts to build the capacity of all stakeholders in water resources governance will be given serious attention.*

*Water resources management requires the development of standardised, coordinated and integrated information to be shared by stakeholders in water management, particularly the state governments in Malaysia. This will facilitate the implementation of integrated water resources management in protecting the integrity of water resources, the environment, ecosystems and natural heritage.*

*The integrated approach outlined in the NWRP involves collaboration among the stakeholders to ensure the security and sustainability of water resources, thereby achieving a common goal in addressing the various issues and priorities in water resources governance.*

Perkara ini dicapai melalui penetapan sasaran, strategi dan merangka pelan tindakan strategik sebagaimana yang telah diperjelaskan secara terperinci dan menyeluruh di dalam DSAN.


Dasar ini juga penting bagi menangani isu dan cabaran dalam pengurusan sumber air negara akibat daripada peningkatan permintaan air negara, peningkatan pencemaran sumber air, kebolehdapatan sumber air antara negeri yang berbeza dan kesan perubahan iklim negara. Fokus utama DSAN adalah jaminan sumber air, kelestarian sumber air, perkongsian, pembangunan keupayaan dan kesedaran.

DSAN yang dihasilkan akan menjadi rujukan dan panduan kepada semua pihak yang berkepentingan dalam tadbir urus sumber air negara sama ada di peringkat persekutuan, negeri serta pihak swasta dan masyarakat secara amnya. Dasar ini telah turut mengambil kira bidang kuasa setiap agensi yang terlibat di peringkat persekutuan dan negeri untuk memastikan pemakaianya mengikut bidang kuasa masing-masing.

*This will be achieved through the setting of targets, strategies and strategic action plans which have been elaborated in detail in the NWRP.*

*The policy is also important to address the issues and challenges in managing the country's water resources as a result of the increase in national water demand, water pollution, discrepancies in the availability of water resources between the different states, and the effects of climate change. The main focus of the NWRP is on water resources security, water resources sustainability, partnerships, capacity building and awareness enhancement.*


*The NWRP which has been formulated will serve as a reference and guide to all stakeholders in the governance of water resources, whether at the federal or state levels as well as the private sector and society in general. The policy takes into account the jurisdiction of each agency involved in water resources management at the federal and state levels in order to ensure its applicability in accordance with their respective jurisdictions.*



**Dato Sri Douglas Uggah Embas**  
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia  
*Minister of Natural Resources and Environment Malaysia*



Sungai Long, Kelantan



# PENGENALAN

## INTRODUCTION

Sejak 1970-an, kepentingan isu sumber asli di Malaysia telah diambil kira, dengan adanya usaha penggubalan dasar dan penyediaan langkah-langkah untuk memastikan penggunaan sumber asli berpandukan prinsip-prinsip pengurusan untuk pengekalan hasil secara berpanjangan. Dasar Alam Sekitar Negara yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) mengambil kira kepentingan kritikal bagi mengekalkan kualiti alam sekitar relatif kepada keperluan populasi, khususnya kapasiti produktif sumber-sumber negara di bidang pertanian, perhutanan, perikanan dan bekalan air. Tumpuan terletak kepada rupa dan keadaan air, bagi memastikan ia kekal tersedia bukan hanya untuk menyokong usaha pembangunan negara tetapi turut membantu mengekalkan ekosistem. Sasaran utama Rancangan Malaysia Ketiga adalah untuk membolehkan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri bekerjasama rapat bagi memastikan semua aktiviti manusia adalah sentiasa seimbang dengan alam sekitar. Keutamaan pada masa itu tertumpu ke arah menangani faktor-faktor yang mengancam kestabilan regim hidrologi.

*Since 1970's, the concern for the state and condition of Malaysia natural resources has been taken into consideration with the formulation of policy directions and measures to ensure that the use of these precious natural resources are guided by principles of sustained yield management. The Malaysian National Environmental Policy, included in the Third Malaysia Plan (1976-1980), took into account the critical importance of maintaining the quality of the environment relative to the needs of the population, particularly the productive capacity of the country's resources in agriculture, forestry, fisheries and water supply. The concern then lay rooted in the state and condition of water, so as to ensure that it remains available to not only support national development goals but to help maintain the ecosystems. The ultimate aim of the Third Malaysia Plan was to enable both federal and state governments work in close cooperation to ensure that all human activities are in balance with the environment. The priority then was to address concerns relating to the factors that threaten the stability of hydrological regimes.*



Empangan Klang Gate, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

Sejak Rancangan Malaysia Lima Tahun mula diperkenalkan empat dekad yang lalu kepentingan air dan sumber air masih diberi keutamaan. Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) menekankan keperluan pengubalan DSAN yang akan menentukan hala tuju sektor ini. Dengan mengambil kira profil bekalan permintaan jangka panjang Malaysia, dasar ini akan menggariskan langkah-langkah bagi memastikan pengurusan yang cekap dan berkesan.

Ini merupakan titik permulaan bagi DSAN untuk mengguna pakai langkah-langkah bagi memastikan kelestarian dan jaminan sumber air. Walau bagaimanapun, mengambil kira sentimen-sentimen dekad yang lepas, kerjasama dan perkongsian semua peringkat kerajaan dan pihak berkepentingan adalah perlu bagi memastikan sumber air dijadikan keutamaan negara.

*Four decades on, since Malaysia's Five Years Development Program is introduced, the concern for water and water resources remains paramount. The Tenth Malaysia Plan (2011-2015) stresses the need to have a NWRP which will chart the future course for the sector. In considering Malaysia's long-term supply-demand profile, the policy will outline measures to ensure efficient and effective management.*

*This is a point of departure for the NWRP, which will pursue the adoption of measures to ensure the sustainability of water resources to achieve water security. However, echoing the sentiments of the past decades, this will require the forging of partnerships between all levels of government and stakeholders to ensure that water resources are made a national priority.*

# LATAR BELAKANG

## BACKGROUND

Rancangan Malaysia Kesepuluh menyatakan bahawa terdapat keperluan untuk mewujudkan DSAN yang akan menjadi panduan lengkap dan menyeluruh bagi membantu tadbir urus air dan sumber air negara. Dasar ini akan menetapkan cara yang akan memastikan bahawa hala tuju dasar sedia ada dan yang dicadangkan daripada pelbagai sektor berkaitan air secara keseluruhan adalah saling melengkapi. Ia akan melihat kepada cara-cara bagi memastikan keseragaman peruntukan perundungan semasa, mandat institusi dan hala tuju dasar serta menggabungkannya menerusi langkah-langkah dan mekanisme yang cekap dan berkesan. Ia juga akan menjadi panduan bagi membantu menangani jurang pengetahuan serta memperkuatkannya kaedah dan amalan bagi memastikan sumber air tidak sahaja diurus secara bersepada, tetapi diselaraskan ke arah pembangunan dan penggunaan lestari. Melalui dasar ini, kesemua tindakan yang dibuat oleh semua sektor kerajaan yang berkaitan air dapat disatukan, saling melengkapi dan dilaksanakan berpandukan hala tuju yang telah ditetapkan.

*The Tenth Malaysia Plan states that there is a need to formulate a NWRP that will serve as a comprehensive guide to aid water and water resources governance nationwide. This Policy will set out the means to ensure that existing and proposed policy directions from multiple sectors related to water as a whole are complementary. It will look at ways to ensure uniformity of existing legal provisions, institutional mandates and policy directions, and consolidate the same through effective and efficient measures and mechanisms. In addition, it will provide guidance to help address knowledge gaps, as well as strengthen methods and practices to ensure that water resources are not just managed in an integrated manner, but geared towards sustainable development and use. Through this policy, all policy actions by all sectors of the government that relate to and affect water as a whole can be consolidated, complemented and implemented, guided by the directions set forth herein.*



Tasik Labong, Johor

DSAN menyedari akan hakikat bahawa Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan air terletak di dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun air juga boleh dikaitkan dengan pelbagai aspek yang terletak di dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Sebagai contoh, penggunaan air dan pelepasan air tercemar boleh dikaitkan dengan aspek-aspek berhubung dengan perdagangan dan industri yang terletak di dalam senarai bidang kuasa persekutuan. Oleh itu, pengurusan sumber air secara sektoral tidak boleh dikekalkan untuk disesuaikan dengan perkara-perkara yang terkandung di dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Terdapat juga aspek-aspek yang berkait dengan kuasa eksekutif kerajaan untuk dipertimbangkan, di mana kerajaan persekutuan melalui Perlembagaan Persekutuan boleh memainkan peranan untuk meningkatkan perisikan air di seluruh negara.

Adalah juga penting untuk mengambil maklum bahawa DSAN tidak akan secara khusus menangani aspek industri bekalan air. Ia akan memberi tumpuan kepada sumber-sumber air yang merangkumi bekalan air, pengagihan dan perkhidmatan. Penekanan diberi untuk menjamin dan mengekalkan sumber air agar ia dapat terus menyokong keperluan manusia dan alam sekitar. Dasar ini memperakui dan menerima langkah-langkah terdahulu yang telah diambil oleh kerajaan dalam aspek-aspek pemuliharaan, pengurusan dan peruntukan air yang mencukupi serta selamat untuk manusia dan alam sekitar. Majlis Sumber Air Negara (MSAN) adalah merupakan platform DSAN dalam menjalinkan kerjasama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri bagi mengenal pasti cara dan langkah-langkah untuk menangani isu-isu berkaitan dengan sumber air.

*The NWRP recognises the fact that the Federal Constitution of Malaysia provides that water insofar as it remains within the jurisdiction of a state, lie within the legislative purview of that state. However water resources too can be associated with various aspects that fall within the legislative purview of both the federal and state governments. For example the use of water and the discharge of polluted water can be linked with aspects related to trade and industry, which falls within the federal legislative list. Thus, water resources cannot be simply compartmentalised to suit the Ninth Schedule of the Federal Constitution. There are also aspects related to government executive reach to consider, where by the federal government through the Federal Constitution can provide support nationwide to boost what can be termed as water intelligence.*

*It is important to note also that the NWRP will not specifically address the water supply industry. It will focus on water as a resource, bearing in mind that it is a continuum of which water supply, distribution and services form part of. The emphasis will be to secure and sustain water resources so that its can continue to support both human and environmental needs. This policy recognises the steps taken by the government to deal with aspects related to the conservation, management and provision of adequate and safe water for the people and the environment. It also leverages on the already established National Water Resources Council (NWRC), which serves as a platform to help bring the federal and state governments together to identify means and measures to address issues and capitalise on opportunities related to water resources.*

Berasaskan kepada isu yang sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak berkepentingan dalam pengurusan dan pemuliharaan air yang lebih baik, empat tonggak bagi menyokong usaha kerajaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, iaitu:

*Based on concerns raised by various stakeholders and the need for better water resources management and conservation, four guiding tenets underpinning government efforts have been maintained by the Ministry of National Resources and Environment, namely:*

**Air untuk rakyat:** semua mempunyai akses kepada air yang selamat, mencukupi dan termampu untuk tujuan bekalan, kebersihan dan sanitasi.

**Air untuk makanan dan pembangunan luar bandar:** peruntukan air yang cukup untuk memastikan jaminan makanan negara dan menggalakkan pembangunan luar bandar.

**Air untuk pembangunan ekonomi:** peruntukan air yang cukup untuk memacu dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi di dalam konteks ekonomi berpendapatan tinggi.

**Air untuk alam sekitar:** perlindungan persekitaran air bagi pengekalan sumber air (air permukaan dan air bawah tanah) dan regim aliran semula jadi, kepelbagaian biologi dan warisan budaya serta pengurangan risiko bencana berkaitan air.

**Water for people:** all to have access to safe, adequate and affordable water supply, hygiene and sanitation.

**Water for food and rural development:** provision of sufficient water that will ensure national food security and promote rural development.

**Water for economic development:** provision of sufficient water to spur and sustain economic growth within the context of a high income economy.

**Water for the environment:** protection of the water environment to preserve water resources (both surface water and groundwater) and natural flow regimes, biodiversity and cultural heritage, along with mitigation of water-related hazards.

Sumber air perlu dilihat daripada sekurang-kurangnya tiga perspektif utama. Perspektif pertama, air sebagai sumber dinamik yang dapat mengimbuh semula jasad air di kawasan-kawasan tadahan, terus sehingga kepada regim hidrologi dan hidrogeologi.

*It is important to note here that water resources should be looked at from at least three key perspectives. First perspective, water as a resource, which will look at the dynamic processes of recharge waterbodies and catchments, right up to the hydrological regimes, as well as hydrogeological conditions.*

Sumber air perlu dilihat sebagai satu proses kitaran iaitu transformasi daripada bentuk wap, cecair atau pepejal kepada air yang dialirkan semula ke jasad air selepas ia digunakan. Ia juga melihat kepada sumber air, sama ada semulajadi atau buatan, termasuk kawasan-kawasan atau kaedah-kaedah mengimbuh semula sumber air. Terdapat pelbagai sumber air semulajadi dan buatan seperti tadahan semulajadi atau kolam buatan. Sumber air semulajadi, boleh diperolehi dari permukaan atau bawah tanah manakala sumber air buatan merangkumi sumber-sumber lain seperti air laut yang dinyahgaram dan air terguna yang telah dirawat.

Perspektif kedua pula mengambil kira aspek aktiviti-aktiviti yang berkait dengan sumber air. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh manusia dan perubahan alam semula jadi menunjukkan bahawa sumber air mempunyai pelbagai fungsi yang berkait rapat dengan kehidupan manusia dan alam sekitar. Ia berfungsi untuk kesejahteraan manusia dan ekosistem dan seterusnya menjamin sumber ini sentiasa berkekalan. Faktor utama ialah memahami kepelbagaiannya fungsi air dan kegunaannya serta pengguna yang bergantung kepadanya. Ini termasuk aktiviti-aktiviti seperti pengairan, bekalan, pengagihan dan rawatan air. Berdasarkan pemahaman ini, perlu ada keseimbangan pengagihan air untuk manusia dan alam sekitar, namun keperluan manusia haruslah diberi keutamaan.

Perspektif ketiga yang perlu dipertimbangkan adalah impak sumber air. Pada masa ini, bencana utama yang disebabkan air termasuk banjir, manakala impak terhadap air seperti abstraksi berlebihan, pencemaran, hakisan dan pemendapan. Ia adalah sebahagian daripada impak yang boleh mengancam dan memberi risiko kepada rupa dan keadaan sumber air. Terdapat juga ancaman-ancaman baru, seperti impak akibat daripada perubahan iklim, yang memerlukan langkah pencegahan yang akan membantu dalam adaptasi sumber air kepada perubahan keadaan. Untuk memastikan rupa dan keadaan sumber air akan terus menjadi keutamaan, langkah-langkah menangani pencemaran termasuk faktor-faktor lain yang boleh merosotkan jasad air dan kawasan-kawasan tадahan perlu diambil.

*Here, water resources are seen as a continuous process, from their transformation from a vapour, liquid or solid form, right up to the water that is discharged back into waterbodies or catchments after use. It looks at the sources of water as well, which can be natural or artificial, and includes the areas or means that recharge water sources, such as natural catchments or even artificial ponds. The sources of water too are manifold; if natural it can be drawn from the surface or ground, if artificial, it can include water sourced from the sea that has been desalinated or grey water that has been treated.*

*The second perspective consider the many activities related to water resources. The existence of these activities, both human and natural, indicates that water resource have multiple functions that support both human and the environment. They function as a life support system that ensures human wellbeing and the integrity of the ecosystems that help these precious resources recharge. Here, the key factor is understanding the multiple functions that water provides and the many uses as well as users that rely on it. These include activities that stem from all forms of use, such as irrigation, supply, distribution as well as treatment. By understanding this, principles of equitable allocation of water can be put in place, to balance both the needs of man and the environment, as well as to ensure that priority needs for human wellbeing are addressed.*

*The third perspective considering the impacts from and on water resources. At present, key hazards that are caused by water, include floods, in addition to impacts that affect water such as over abstraction, pollution, erosion and siltation. These are just some of the impacts that can threaten and pose a risk to the state and condition of water resources. There are also emerging threats, like impacts which follow from climate change, that require precautionary measures to help water resources adapt to changing conditions. To ensure that the state and condition of water resources will continue to be a priority, steps to address pollution as well as other factors that can degrade waterbodies and catchments must be taken.*



Sungai Melaka, Melaka

## PERKARA UTAMA BERKAITAN SUMBER AIR

Pelbagai kajian dan laporan menunjukkan bahawa rupa dan keadaan sumber air di Malaysia berdepan dengan pelbagai ancaman dan memerlukan rehabilitasi. DSAN mengambil kira pelbagai perkara yang merentasi jurang pengetahuan, tahap kesedaran, dan pelbagai faktor yang memberi impak secara langsung terhadap jenis-jenis sumber air atau punca air, bergantung kepada keadaan dan kejadian setempat. Kesemua perkara ini telah diambil kira dalam merumuskan hala tuju dasar. Terdapat lima fokus utama yang dirumuskan daripada pelbagai laporan dan dokumentasi.

Pertama, terdapat keperluan untuk membangunkan maklumat komprehensif berkenaan sumber air, meliputi aspek-aspek seperti punca, lokasi, skala, saiz, rupa, keadaan hidrologi, ancaman, risiko termasuk impak-impak yang sedia ada dan baru. Keutamaan adalah untuk mengukuhkan risikan dan maklumat sumber air serta melindungi apa yang dimiliki oleh negara. Ini memerlukan pengukuhan asas pengetahuan dan sains sumber air yang mengambil kira semua jenis sumber pengetahuan dan usaha-usaha saintifik (sains, sains sosial dan kemanusiaan) termasuk amalan tradisi dan kefahaman tempatan. Ini akan membantu kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk memelihara sumber air dengan lebih baik.

Kedua, pelan keseluruhan untuk memastikan kelestarian sumber air adalah diperlukan. Banyak laporan menunjukkan sumber air terancam oleh aktiviti dan tindakan manusia terutama ketika musim kemarau. Cadangan yang lebih berstruktur adalah diperlukan untuk memastikan sumber air dipulihara secara lestari. Langkah-langkah perlindungan perlu ditetapkan untuk memelihara dan melindungi kualiti dan kuantiti termasuk kaedah mengimbuh semula jasad air dan kawasan-kawasan tadahan. Langkah-langkah diperlukan bagi memastikan bahawa pengagihan air adalah lebih cekap dan saksama. Pemakaian langkah-langkah yang seragam akan membantu mewujudkan satu sistem penggunaan sumber air yang lestari.

## KEY CONCERNS RELATED TO WATER RESOURCES

*There are numerous studies and reports indicating that water resources in Malaysia are facing multiple threats and their state as well as condition require rehabilitation. This NWRP takes into account the various concerns that range from knowledge gaps to awareness, right up to the various factors that have specific impact on water resources types or water sources, based on local conditions or events. All these concerns have been addressed in formulating the policy directions. There are five key areas of concern that can be derived from various reports and documents.*

*Firstly, there is a necessity to develop comprehensive information on water resources, which includes aspects such as sources, location, scale, size, state, hydrological condition, threats, risks as well as impacts, both existing and emerging. There is a crucial need to boost water intelligence and secure what the country has. This requires strengthening the knowledge base and science of water resources, taking into account all types and sources of knowledge and scientific pursuits (science, social sciences and humanities), including traditional and local understanding as well as practices. This will help both the federal and state governments to better safeguard the water resources within their respective jurisdiction.*

*Secondly, an overall plan to ensure the sustainability of water resources is required. There have been many reports on water resources being threatened and impacted by human activities and influence, as indicated in documented incidences where waterbodies have deteriorated, or depleted particularly in times of dry weather spells. There is a need to put forward structured recommendations to ensure water resources are conserved and sustained. Protection measures should be put in place to safeguard their quality and quantity, as well as the means for the waterbodies to be recharged, which would mean extending the same to catchments. Measures should also be put into place. The adoption of uniform measures will help establish a system that will gear water resources towards sustainable use.*

Ketiga, perlunya mekanisme untuk pihak berkuasa yang diberi mandat bagi menentukan serta menilai rupa dan keadaan sumber air. Ini adalah untuk memastikan bahawa apabila air diagihkan, ia dilakukan dengan berkesan, tanpa ada kompromi terhadap keupayaannya untuk mengimbuh semula atau mengurangkan keupayaan untuk menyokong persekitaran ekologi dan hidrologi serta fungsi-fungsi hidrogeologi. Selain daripada itu, ia menggariskan langkah-langkah untuk menghindar atau meminimumkan ancaman terhadap sumber air dan risiko daripada sumber air. Ini akan memperkuuhkan tindakan untuk menjamin sumber air dan membantu tadbir urus sumber air yang merentasi sempadan bidang kuasa.

Keempat, terdapat banyak pihak berkepentingan terlibat dengan sumber air, dengan mengambil kira ketiga-tiga perspektif di atas. Beberapa negeri telah mewujudkan perundangan untuk memudahkan pelaksanaan kuasa dan pengurusan sumber air. Di dalam beberapa bidang kuasa, langkah-langkah perundangan secara formal telah diadakan bagi mempermudahkan pihak berkuasa dalam pengurusan sumber air. Terdapat juga beberapa undang-undang berkaitan dengan sumber air yang mempunyai piawaian dan peraturan yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, perkara paling penting adalah menetapkan keputusan untuk penggunaan dan pengagihan air.

Penentuan ini memerlukan satu mekanisme yang akan mengukuhkan satu sistem kolaborasi dan perkongsian yang disokong oleh pelbagai pendekatan seperti Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) dan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM). Pelbagai bidang kepakaran ini dapat dimanfaatkan secara bersepadu oleh pihak-pihak berkuasa yang diberi mandat. Penyusunan kolaborasi berasaskan matlamat utama yang memberi tumpuan kepada sumber air akan membantu menukar tadbir urus sumber air kepada tadbir urus yang melibatkan perkongsian dan kolaborasi untuk memanfaatkan semua pihak dan alam sekitar tanpa menjelaskan integriti sumber air.

*Thirdly, there is a need for a mechanism that will allow the mandated authorities to determine and assess the state and condition of water resources. This is to ensure that when they are allocated, it is done so without compromising their ability to recharge or diminish their ability to support the environment, and their ecological, hydrological as well as hydrogeological functions. In addition, it will spell out steps to avert or minimise threats and risks to and from water resources. This will strengthen actions for water resources security, and help address the governance of water resources that transcend jurisdictional boundaries.*

*Fourthly, there are many stakeholders where water resources are concerned, taking into consideration the three perspectives of resources per se, activities and impacts. In some jurisdictions, formal statutory measures have been put into place to facilitate authority and management of water resources. There are also a host of statutes and enactments that can be linked directly or indirectly to water resources, which leads to issues relating to differing standards and procedures. What is crucial here is how decisions are made, particularly the determination of how water will be provisioned and allocated for supply, which has great bearing on the state and condition of the water resources.*


*Decision making which involves multiple stakeholders and interests as well as mandates requires a mechanism that will entrench a system of collaboration and partnership that is advocated by adopted approaches, such as Integrated Water Resources Management (IWRM) and Integrated River Basin Management (IRBM). There are different fields of expertise held by different mandated authorities that can be capitalised on in an integrated manner. A collaborative arrangement based on a central goal that prioritises water resources will help shift water resources governance towards governance through partnership and collaboration, to benefit all parties as well as the environment itself.*

Kelima, terdapat pelbagai usaha oleh kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), termasuk masyarakat yang prihatin untuk meningkatkan tahap kesedaran, membina keupayaan dan mengambil inisiatif bagi membantu dalam pemulihan sumber air. Pelbagai program dan kempen telah diadakan tetapi kadar pemulihan rupa dan keadaan sumber air tidak banyak berubah seperti mana yang diharapkan. Hal ini disebabkan oleh ketidakupayaan pihak berkuasa mengatasi masalah dan kurangnya tahap kesedaran awam. Persepsi umum beranggapan bahawa negara ini dianugerahi hujan yang banyak dan berterusan. Namun pada hakikatnya berlaku banyak kejadian pencemaran sumber air yang mengakibatkan gangguan bekalan air serta kemarau menunjukkan bahawa sumber air walaupun boleh diperbaharui adalah terhad.

Langkah-langkah harus diambil bagi memastikan pihak-pihak berkuasa dapat melaksanakan tanggungjawab, yang memerlukan pembangunan keupayaan, kepakaran dan kemahiran, termasuk sokongan kewangan, teknologi dan teknikal. Kefahaman dan penglibatan semua pihak dalam tadbir urus sumber air adalah penting untuk meningkatkan tahap kesedaran awam tentang sumbangan mereka bagi memastikan kelestarian sumber air.

*Fifthly, there have been numerous efforts by the government and non-governmental organisations as well as concerned communities to raise awareness, build capacity and initiate action to help rehabilitate water resources. Various programmes and campaigns have been carried out, but the rate of improvement of the condition and state of water resources is not progressing as fast as hoped. Reports have indicated that there are two key constraints, namely the capacity of the authorities to tackle the problem and the level of awareness of the public at large. There is a general perception that water is abundant, as the country is blessed with abundant rainfall. The reality, brought home by cases of contaminated water resources wreaking havoc on supply or incidences of drought, indicates that water resources though renewable are finite.*

*Steps will have to be taken to ensure that the mandated authorities can carry out their tasks at hand, which will require capacity building, not just of expertise and skills, but also monetary, technological and technical support. Critical also is the understanding by all concerned, of the roles and options to participate in water resources governance, which requires a heightened level of public awareness as to how they can contribute to ensure water resources sustainability.*



Batang Lutar, Sarawak



Sungai Apin-Apin, Sabah

## MELENGKAPI HALA TUJU DASAR-DASAR SEDIA ADA

DSAN tidak terasing daripada hala tuju dasar-dasar lain sedia ada. Rumusan Hala Tuju Fokus Utama, Teras, Sasaran, Strategi dan Pelan Tindakan Strategik telah mengambil kira dasar-dasar lain sedia ada. Lebih daripada 50 dasar negara telah dikaji semula, dan 17 daripadanya telah dikenal pasti mempunyai kaitan rapat dengan pelbagai aspek sumber air. Aspek utama 17 dasar ini telah diambil kira dan dipadankan dengan hala tuju dan tindakan-tindakan yang dicadangkan di dalam DSAN (Lihat Jadual 1.0).

Fokus dan penekanan DSAN adalah ke arah penyediaan hala tuju bagi cara dan langkah-langkah, manakala pelan tindakan strategik yang dicadangkan adalah ke arah melengkapi sasaran dasar-dasar sedia ada. Jadual 2.0 menunjukkan fokus utama dan hubungannya dengan 17 dasar yang dikenal pasti.

## COMPLEMENTING EXISTING POLICY DIRECTIONS

*The NWRP will not sit in isolation of other policy directions. The formulation of the Core Areas, Thrusts, Targets, Strategies and Strategic Action Plans to be adopted by the many stakeholders took into consideration existing policies. More than 50 national policies were reviewed and of those, 17 were identified as having close links with the varied aspects of water resources. Key aspects of these 17 policies were gleaned and suited to match the directions and recommended actions within (see Table 1.0).*

*As the focus and emphasis of the NWRP is on providing directions for means and measures, the strategic action plans proposed are also geared towards complementing the goals of the existing policies. Table 2.0 indicates the core areas and their links with the 17 identified policies.*

Jadual 1.0 : Senarai Kementerian dan Dasar-dasar Yang Mempunyai Kaitan Dengan DSAN

*Table 1.0 : List of Selected Ministries and Policies that have bearing on the NWRP*

<b>Kementerian Ministry</b>	<b>Dasar Policy</b>
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar <i>Ministry of Natural Resources and Environment</i>	Dasar Mineral Negara 2 Dasar Perhutanan Negara 1978 Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan 1998 Dasar Alam Sekitar Negara Dasar Perubahan Iklim Negara <i>National Mineral Policy 2</i> <i>National Forestry Policy 1978</i> <i>National Biodiversity Policy 1998</i> <i>National Environment Policy</i> <i>National Policy on Climate Change</i>
Kementerian Pelajaran Malaysia <i>Ministry of Education</i>	Dasar Pendidikan Negara <i>National Education Policy</i>
Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi <i>Ministry of Plantation, Industries and Commodities</i>	Dasar Bio Bahan Api Negara 2006 Dasar Perindustrian Kayu Negara <i>National Biofuel Policy 2006</i> <i>National Timber Industry Policy</i>
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air <i>Ministry of Energy, Green Technology and Water</i>	Dasar Tenaga Negara Dasar Teknologi Hijau Negara <i>National Energy Policy</i> <i>National Green Technology Policy</i>
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi <i>Ministry of Science, Technology and Innovation</i>	Dasar Bioteknologi Negara <i>National Biotechnology Policy</i>
Kementerian Pelancongan <i>Ministry of Tourism</i>	Dasar Pelancongan Negara <i>National Tourism Policy</i>
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani <i>Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry</i>	Dasar Agro Makana Negara 2011-2020 Dasar Jaminan Bekalan Makanan <i>National Agro Food Policy 2011-2020</i> <i>Food Security Policy</i>
Kementerian Kesihatan <i>Ministry of Health</i>	Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan <i>National Food Safety Policy</i>
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan <i>Ministry of Housing and Local Government</i>	Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara Rancangan Fizikal Negara <i>National Solid Waste Management Policy</i> <i>National Physical Plan</i>

Jadual 2.0 : Contoh-Contoh DSAN Melengkapi Dasar-dasar Negara Sedia Ada

*Table 2.0 : Examples of NWRP Complementing Existing National Policies*

Fokus Utama <i>Key Core Area</i>	Teras <i>Thrust</i>	Dasar berkaitan <i>Related Policy</i>
Jaminan Sumber Air <i>Water Resources Security</i>	<b>Teras 1:</b> Maklumat dan Risikan Sumber Air  <b>Thrust 1:</b> <i>Water Intelligence</i>	Dasar Teknologi Hijau Negara Dasar Alam Sekitar Negara Rancangan Fizikal Negara Dasar Perubahan Iklim Negara Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 1998 Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 <i>National Green Technology Policy</i> <i>National Policy on Environment</i> <i>National Physical Plan</i> <i>National Policy on Climate Change</i> <i>National Biodiversity Policy 1998</i> <i>National Agro Food Policy 2011-2020</i>
	<b>Teras 2:</b> Integriti Sumber Air  <b>Thrust 2:</b> <i>Water Resources Integrity</i>	Rancangan Fizikal Negara Dasar Teknologi Hijau Negara Dasar Alam Sekitar Negara Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan Dasar Perindustrian Kayu Negara <i>National Physical Plan</i> <i>National Green Technology Policy</i> <i>National Policy on Environment</i> <i>National Food Safety Policy</i> <i>National Timber Industry Policy</i>
	<b>Teras 3:</b> Penggunaan Sumber Air dan Punca-punca Alternatif  <b>Thrust 3:</b> <i>Use of Alternative Water Resources and Sources</i>	Dasar Alam Sekitar Negara Dasar Perubahan Iklim Negara Dasar Teknologi Hijau Negara Dasar Mineral Negara 2 Dasar Tenaga Negara Dasar Bio Bahan Api Negara 2006 <i>National Policy on Environment</i> <i>National Policy on Climate Change</i> <i>National Green Technology Policy</i> <i>National Minerals Policy 2</i> <i>National Energy Policy</i> <i>National Biofuel Policy 2006</i>


Jadual 2.0 : Sambungan

*Table 2.0 : Continues*

Fokus Utama <i>Key Core Area</i>	Teras <i>Thrust</i>	Dasar berkaitan <i>Related Policy</i>
	<b>Teras 4:</b> Pengurangan Risiko Bencana Berkaitan Air Kesiapsiagaan dan Respons <b>Thrust 4:</b> <i>Water Related Disaster Risk Reduction Preparedness and Response</i>	Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 1998 Dasar Alam Sekitar Negara Rancangan Fizikal Negara Dasar Perubahan Iklim Negara Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan <i>National Biodiversity Policy 1998</i> <i>National Policy on Environment</i> <i>National Physical Plan</i> <i>National Policy on Climate Change</i> <i>National Food Safety Policy</i>
Kelestarian Sumber Air <i>Water Resources Sustainability</i>	<b>Teras 5:</b> Kriteria bagi Pencirian Sumber Air <b>Thrust 5:</b> <i>Criteria for Water Resources Characterisation</i>	Dasar Teknologi Hijau Negara Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 1998 Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 <i>National Green Technology Policy</i> <i>National Biodiversity Policy 1998</i> <i>National Agro Food Policy 2011-2020</i>
	<b>Teras 6:</b> Pemuliharaan dan Perlindungan Sumber dan Jasad Air Semula jadi dan Buatan <b>Thrust 6:</b> <i>Conservation and Protection of Water Resources and Bodies, both Natural and Artificial</i>	Dasar Teknologi Hijau Negara Dasar Alam Sekitar Negara Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 1998 Dasar Perubahan Iklim Negara Rancangan Fizikal Negara Dasar Perbandaran Negara Dasar Pengguna Negara Dasar Perhutanan Negara Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara Dasar Pelancongan Negara Dasar Perindustrian Kayu Negara Dasar Keselamatan Makanan kebangsaan <i>National Green Technology Policy</i> <i>National Policy on Environment</i> <i>National Biodiversity Policy 1998</i> <i>National Policy on Climate Change</i> <i>National Physical Plan</i> <i>National Urbanisation Policy</i> <i>National Consumer Policy</i> <i>National Forestry Policy</i> <i>National Solid Waste Management Policy</i> <i>National Tourism Policy</i> <i>National Timber Industry Policy</i> <i>National Food Safety Policy</i>

Jadual 2.0 : Sambungan  
*Table 2.0 : Continues*

<b>Fokus Utama Key Core Area</b>	<b>Teras Thrust</b>	<b>Dasar berkaitan Related Policy</b>
Perkongsian <i>Partnership</i>	<b>Teras 7:</b> Keterangkuman dan Keterlibatan Pihak Berkepentingan <b>Thrust 7:</b> <i>Stakeholder Inclusiveness and Engagement</i>	Dasar Alam Sekitar Negara Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan 1998 Dasar Teknologi Hijau Negara Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara <i>National Policy on Environment</i> <i>National Biodiversity Policy 1998</i> <i>National Green Technology Policy</i> <i>National Solid Waste Management Policy</i>
Pembangunan Keupayaan dan Kesedaran <i>Capacity Building and Awareness</i>	<b>Teras 8:</b> Perkongsian Tadbir Urus Sumber Air <b>Thrust 8:</b> <i>Shared Water Resources Governance</i>	Dasar Alam Sekitar Negara Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan 1998 Dasar Teknologi Hijau Negara Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara <i>National Policy on Environment</i> <i>National Biodiversity Policy 1998</i> <i>National Green Technology Policy</i> <i>National Solid Waste Management Policy</i>
	<b>Teras 9:</b> Pembinaan Keupayaan dan Kesedaran <b>Thrust 9:</b> <i>Capacity Building and Awareness</i>	Dasar Perhutanan Negara Dasar Alam Sekitar Negara Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan 1998 Dasar Perbandaran Negara Rancangan Fizikal Negara Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 Dasar Mineral Negara 2 Dasar Teknologi Hijau Negara Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara Dasar Pendidikan Negara Dasar Bioteknologi Negara <i>National Forestry Policy</i> <i>National Environment Policy</i> <i>National Biodiversity Policy 1998</i> <i>National Urbanisation Policy</i> <i>National Physical Plan</i> <i>National Agro Food Policy 2011-2020</i> <i>National Minerals Policy 2</i> <i>National Green Technology Policy</i> <i>National Solid Waste Management Policy</i> <i>National Education Policy</i> <i>National Biotechnology Policy</i>



Sungai Sedim, Kedah

## PENDEKATAN BERSEPADU

DSAN akan meneruskan pendekatan sedia ada yang telah diterima pakai seperti:

- Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM)
- Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM)
- Pengurusan Tasik Bersepadu (ILM)
- Pengurusan Zon Pantai Bersepadu (ICZM)
- Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP)
- Pengurusan Banjir Bersepadu (IFM)

## INTEGRATED APPROACHES

*The NWRP will continue existing approaches that have been adopted such as:*

- *Integrated Water Resources Management (IWRM)*
- *Integrated River Basin Management (IRBM)*
- *Integrated Lake Management (ILM)*
- *Integrated Coastal Zone Management (ICZM)*
- *Integrated Shoreline Management Plan (ISMP)*
- *Integrated Flood Management (IFM)*

Kesemua pendekatan akan membantu menstruktur amalan semasa ke arah tadbir urus sumber air yang lebih baik, dengan mengambil kira keunikan setiap pendekatan dalam menangani bencana. Kaedah yang digunakan dalam menterjemah pendekatan ini dan prinsip-prinsipnya telah diambil kira dan dinyatakan secara kolektif.

*These approaches will help structure current practices towards better water resources governance, taking into consideration their unique application ranging from facilitating allocation to addressing hazards. The tools employed in translating the approaches as well as principles that guide them have been taken into account and reflected herein in a collective manner.*



Sungai Moroli, Sabah

## **PELAN PELAKSANAAN**

DSAN bertujuan membantu pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik, institusi penyelidikan, sektor swasta dan masyarakat bagi menterjemahkan pelan tindakan strategik kepada tindakan. Pelaksanaan pelan strategik merentasi jangka masa pendek ke jangka masa sederhana kerana dasar ini akan dikaji semula dari masa ke semasa. Ini akan membantu memastikan dasar sentiasa dinamik dan cukup fleksibel untuk disesuaikan kepada keadaan-keadaan yang berubah.

Strategi dan pelan tindakan strategik telah dirangka bagi menangani masalah dan perkara berkaitan dengan sumber air masa kini. Penekanan adalah untuk menstruktur program kerja yang akan memperkasa tadbir urus sumber air sedia ada dan menangani jurang dan kekangan yang wujud. Sumber air akan dijadikan keutamaan dengan memberi penekanan kepada keseragaman perundungan, yang mengawal piawaian dan amalan serta memperkuuh dan menambahbaik pengetahuan dan sains sedia ada. Sepertimana tanah dan guna tanah, satu pelan fizikal akan dibangunkan untuk membantu memulihara dan melindungi sumber air. Ia juga dapat mengimbangi kegunaan sumber air dan menyediakan kaedah untuk menghadapi ancaman, bahaya dan bencana.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, sebagai urusetia kepada MSAN, akan memudahkan kolaborasi antara pihak-pihak berkuasa dalam melaksanakan pelan-pelan tindakan strategik. Suatu program kerja akan menyusul dasar ini untuk menstruktur pelaksanaan dan memantau sasaran-sasaran.

## **IMPLEMENTATION PLAN**

*The NWRP is intended to serve as a directional focal point to help bring together stakeholders including organisations government, non-government, academia, research institutions, private sector and communities to help translate the strategic action plans into action. The time frame for the implementation of the strategic plans ranges from short to medium term, as the policy is expected to be reviewed from time to time. This will help ensure that the policy stays dynamic and flexible enough to adjust to changing conditions.*

*The strategies and strategic action plans have been designed to address immediate problems and concerns related to water resources today. The emphasis here is to structure a work programme that will strengthen existing water resources governance and address the gaps and constraints that exist. The key is that water resources will be made a priority, and emphasis is made on uniformity of legal provisions that regulate standards and practice, as well as consolidating and enhancing the existing knowledge base and science. It is hoped that like land and land use, a physical plan will be developed to help conserve and protect water resources, balance water resources use as well as provide means to help address and adapt to threats, hazards and disasters.*

*The Ministry of Natural Resources and Environment, as secretariat to the NWRC, will facilitate the collaboration of key government authorities in executing the strategic action plans. A programme of work will follow this policy to structure the implementation and monitoring of targets.*

# **KENYATAAN DASAR**

**POLICY STATEMENT**

**Jaminan dan kelestarian sumber air harus dijadikan keutamaan negara bagi memastikan air yang mencukupi dan selamat untuk semua, melalui penggunaan secara lestari, pemuliharaan dan pengurusan sumber air berkesan dengan disokong oleh mekanisme perkongsian bersama melibatkan semua pihak berkepentingan.**

**The security and sustainability of water resources shall be made a national priority to ensure adequate and safe water for all, through sustainable use, conservation and effective management of water resources enabled by a mechanism of shared partnership involving all stakeholders.**

## RASIONAL DASAR

DSAN menetapkan hala tuju strategik dan rangka kerja bagi tindakan strategik untuk memastikan sumber air diguna dan dibangunkan secara lestari untuk manfaat negara, penduduk dan alam sekitar. Ia menetapkan strategi-strategi yang akan membantu pihak-pihak berkepentingan menstrukturkan tindakan ke arah pemuliharaan dan pengurusan sumber air yang berkesan. Pendekatan yang akan diambil adalah berasaskan kepada pendekatan bersepada yang telah diterima pakai untuk meneruskan dan menerapkan tindakan lanjutan yang sepakat dan kukuh.

Memandangkan bahawa sumber air merentasi bidang kuasa negeri dan juga mandat pelbagai pihak berkepentingan, penekanan akan diberi kepada tadbir urus sumber air secara kolaboratif yang menggalakkan perkongsian.

## PRINSIP-PRINSIP DASAR

### P1: Jaminan Sumber Air

Sumber air perlu dijamin untuk memastikan kebolehdapatananya bagi memenuhi keperluan dan permintaan manusia dan alam, dengan mengoptimumkan potensinya dan meminimumkan impak yang merosakkan.

### P2: Kelestarian Sumber Air

Sumber air adalah pemangkin kepada kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan negara. Oleh itu penggunaannya perlu dilestarikan untuk kegunaan semasa dan masa hadapan. Kerajaan persekutuan dan negeri akan memberi tumpuan untuk meminimumkan pembaziran sumber air. Ini akan membuka peluang kepada penerokaan penggunaan sumber-sumber alternatif dan melihat aspek-aspek berkaitan pengurusan permintaan.

### P3: Tadbir Urus Kolaboratif

Keterangkuman dan kolaborasi pihak berkepentingan adalah perlu ke arah memastikan jaminan dan kelestarian sumber air, seterusnya pencapaian matlamat bersama bagi menangani pelbagai perkara dan keutamaan tadbir urus sumber air.

## POLICY RATIONALE

*The NWRP shall set the strategic direction and framework for strategic action to ensure that water resources are used and developed in a sustainable manner to benefit the nation, both people and environment as a whole. It sets out strategies that will help guide water resources stakeholders to structure actions for effective conservation and management of water resources. The approach that will be taken will be based on existing integrated approaches that have been adopted so as to continue and further inculcate actions that are concerted and consolidated.*

*Bearing in mind that water resource may transcend jurisdictions as well as mandates, emphasis will be made on collaborative water resources governance that advocates partnership.*

## POLICY PRINCIPLES

### P1: Water Resources Security

*Water resources must be secured to ensure their availability to meet the needs and demands of both man and nature, through optimisation of their potential and minimisation of damaging impacts.*

### P2: Water Resources Sustainability

*Water resources are the catalyst for environmental wellbeing and national development, therefore they should be sustained for present and the future uses and the federal and state governments will look at minimising wastage of water resources. It also opens up the opportunity to explore the use of alternative sources, and address aspects related to demand management.*

### P3: Collaborative Governance

*Stakeholder inclusiveness and collaboration is essential towards ensuring the security and sustainability of water resources as well as achievement of common goals towards addressing multiple water resources governance concerns and priorities.*



Sungai Anak Bukit, Kedah

## OBJEKTIF DASAR

- Menetapkan hala tuju dan strategi bagi tindakan-tindakan bersama untuk memastikan jaminan dan kelestarian sumber air melalui mekanisme bersepadu dan kolaboratif melibatkan semua pihak berkepentingan di semua peringkat;
- Menyediakan cara dan langkah yang saling melengkapi hala tuju dasar-dasar sedia ada berkenaan sumber air bagi memastikan penggunaan lestari dan saksama, serta melindungi integriti alam sekitar, ekosistem dan warisan semulajadi;
- Menyediakan platform untuk memperkasa risikan dan maklumat sumber air serta keseragaman amalan, dengan memperkemaskan piawaian, pengukuran, kaedah dan pendekatan;
- Menetapkan cara dan langkah untuk diterima pakai untuk pelan pemuliharaan sumber air di pelbagai skala agar ia saling melengkapi dan mengukuhkan pelan pembangunan tanah, sumber, fizikal dan pelan pembangunan lain yang berkaitan; dan
- Membina keupayaan semua pihak berkepentingan untuk membolehkan penglibatan dan kolaborasi yang berkesan dalam tadbir urus sumber air di pelbagai skala dan peringkat dengan tumpuan kepada pembangunan sumber manusia, sains, teknologi dan amalan termasuk memberi galakan bagi pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi.

## POLICY OBJECTIVES

- To set out the direction and strategies for collective action so as to ensure the security and sustainability of water resources through integrated and collaborative mechanisms involving all stakeholders at all levels;*
- To provide means and measures to complement existing policy directions related to water resources so as to ensure their sustainable and equitable use, as well as protect the integrity of the environment, ecosystems and natural heritage;*
- To provide a platform to strengthen water resources intelligence as well as uniform practices through the streamlining of standards, measures, methods and approaches;*
- To set out the means and measures for the adoption of water resources conservation plans at multiple scales so as to complement and strengthen existing land, resources, physical and other related development plans; and*
- To build the capacity of all stakeholders for effective participation and collaboration in water resources governance at multiple scales and levels focusing on developing human resources, science, technology and practices as well as encouraging investment in research, development and innovation.*

Sungai Bidor, Teluk Intan, Perak

# **FOKUS UTAMA, TERAS, SASARAN, STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK**

## **KEY CORE AREAS, THRUSTS, TARGETS, STRATEGIES AND STRATEGIC ACTION PLANS**

### **HALA TUJU DASAR BAGI FOKUS UTAMA 1: JAMINAN SUMBER AIR**


Tadbir urus sumber air memerlukan maklumat dan risikan air yang kukuh. Tindakan perlu diambil untuk menambahbaik sistem pengumpulan maklumat dan rangkaian disamping melaksanakan langkah-langkah untuk mempertingkatkan penaksiran, penilaian, pemantauan dan analisis rupa dan keadaan sumber air semulajadi dan buatan. Apa yang penting adalah keperluan untuk menyediakan keseragaman dalam amalan tadbir urus air yang memerlukan pembangunan piawaian yang selaras dan kukuh serta langkah-langkah untuk digunakan di seluruh negara. Ia akan membantu dalam penggunaan langkah-langkah dan pendekatan yang bersepadu dalam mengawal integriti sumber air, persekitaran dan ekosistem serta warisan semulajadi.

Terdapat juga satu keperluan kritikal untuk mengambil kira semua aspek yang menyumbang kepada ancaman, risiko, impak dan bahaya serta bencana kepada dan daripada sumber air. Ini juga termasuk tindakan terhadap penggunaan sumber air secara spesifik dan di luar kawalan melalui penerokaan sumber alternatif terutamanya semasa kecemasan. Pelan-pelan yang menetapkan langkah-langkah untuk membina ketahanan dan memudahkan adaptasi kepada ancaman sedia ada dan yang baru perlu diberi keutamaan untuk menjamin sumber-sumber air.

### **POLICY DIRECTIONS FOR CORE AREA 1: WATER RESOURCES SECURITY**

*Governing water resources requires strengthened water intelligence. Action is required to improve systems for information provisioning, collection and networks, in addition to putting in place measures to better assess, evaluate, monitor and analyse the state as well as condition of both natural and artificial sources of water. Key also is the need to provide for uniformity in the practice of water resources governance, necessitating the development of streamlined and consolidated standards and measures to be applied nationwide. This will facilitate the application of integrated measures and approaches in protecting the integrity of water resources, the environment, ecosystems and natural heritage.*

*There is also a critical need to address all aspects that render water resources vulnerable to threats, risks, impacts and hazards as well as disasters both from and to the water resources. This also includes actions that will provide for the contiguous use of water resources in addition to exploring options for alternative sources of water for specific and appropriate uses particularly in times of emergency. Plans that help set out measures to build the resiliency and facilitate adaptation to existing and emerging threats must be given priority in order to secure water resources.*



Sungai Benus, Pahang

## TERAS 1: MAKLUMAT DAN RISIKAN SUMBER AIR

### Sasaran 1:

**Membangun Sistem Maklumat Komprehensif Sumber Air**

#### Strategi 1:

Melaksanakan pengukuran dan pengemaskinian data-data saintifik dan teknikal sedia ada secara berkala.

#### Pelan Tindakan Strategik:

**PTS1:** Kenal pasti data-data saintifik dan teknikal sedia ada yang berkaitan dengan air, sumber air, penggunaan dan pengguna; dan

**PTS2:** Kenal pasti penyimpan dan tempat simpanan.

#### Strategi 2:

Mewujudkan sistem analisis dan sintesis data-data saintifik dan teknikal secara berterusan.

#### Pelan Tindakan Strategik:

**PTS3:** Kenal pasti dan guna pakai kaedah dan proses bagi analisa dan sintesis data-data saintifik dan teknikal secara berterusan.

## THRUST 1: WATER INTELLIGENCE

### Target 1:

**Develop A Comprehensive Water Resources Information System**

#### Strategy 1:

*Conduct periodic consolidation and update existing scientific and technical data.*

#### Strategic Action Plan:

**PTS1:** *Identify existing scientific and technical data available related to water, water resources, use and users; and*

**PTS2:** *Identify repositories and repository holders.*

#### Strategy 2:

*Establish a system for continuous analysis or synthesis of scientific and technical data.*

#### Strategic Action Plan:

**PTS3:** *Identify and adopt methods and processes for continuous analysis and synthesis of scientific and technical data.*

The screenshot shows the homepage of the Public Info Banjir website. At the top, there's a header with the logo of the Royal Malaysian Government, the text "Public Info Banjir", and "Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia". Below the header is a map of Southeast Asia with a focus on Malaysia. The map includes labels for states like Sabah, Sarawak, and Johor, and cities like Kuala Lumpur, Singapore, and Kuching. A legend at the bottom of the map area indicates "Banjir" (Flood), "Amaran" (Warning), and "Hujan" (Rain). To the left of the map is a sidebar titled "MAKLUMAT TERKINI" containing links for "PENEMPATAN BANJIR", "BILIK GERAKAN BANJIR JPS", "STATUS KEJADIAN BANJIR", "INFOBANJIR (TEKNIKAL)", and "JPS MALAYSIA". On the right side, there's a section titled "INFORMASI TERKINI" with the message "Tiada Pengumuman Terkini..". At the bottom of the page, there's a navigation bar with links for "Amaran Banjir", "Amaran Aras Air", "Amaran Hujan Lebat", "Ramalan Banjir", and "Data Stesen". Below this, a specific alert for "Amaran Hujan Lebat" is shown for the area around Sg. Buluh di Kg. Batu Bertangkup, stating "Amaran: Hujan lebat melebihi paras amaran. Penduduk di kawasan sekitar diminta berjaga-jaga". On the far right, there's a sidebar with icons for different types of alerts: "Amaran Banjir", "Amaran Aras Air", "Amaran Hujan Lebat", and "Ramalan Banjir".

Laman Web Public InfoBanjir

## Sasaran 2: Memperkasa Kerangka Pangkalan Data

### Strategi 3:

Membangun kerangka pangkalan data dan mewujudkan jaringan maklumat.

#### Pelan Tindakan Strategik:

**PTS4:** Kaji semula kerangka pangkalan data sedia ada, kenal pasti jurang, semak semula skop dan liputan;

**PTS5:** Kaji semula penilaian, analisis dan semak semula kaedah sedia ada; dan

**PTS6:** Wujudkan proses bagi perolehan, pengumpulan, katalog dan pengurusan maklumat.

### Strategi 4:

Mewujudkan kerangka komunikasi antara pihak berkepentingan utama;

#### Pelan Tindakan Strategik:

**PTS7:** Bangunkan profil pihak berkepentingan dan pangkalan data maklumat sedia ada; dan

**PTS8:** Sediakan mekanisme perkongsian maklumat dan akses antara pihak berkepentingan.

## Target 2: *Strengthen Database Framework*

### Strategy 3:

*Create a database framework and establish information networks.*

#### Strategic Action Plan:

**PTS4:** *Review existing database framework, identify gaps, revise scope and coverage;*

**PTS5:** *Review existing evaluation, analysis and review methods; and*

**PTS6:** *Establish processes for information provisioning, collecting, cataloguing and management.*

### Strategy 4:

*Establish communication framework between key stakeholders;*

#### Strategic Action Plan:

**PTS7:** *Develop a profile of stakeholders and existing information database; and*

**PTS8:** *Provide mechanisms for sharing of information and access between stakeholders.*



Tasik Bukit Merah, Perak

**Sasaran 3:**  
**Menyeragamkan Pelbagai Proses Dan Kaedah Saintifik Berkaitan Dengan Penilaian Dan Analisis Rupa, Status Dan Keadaan Sumber Air**

**Strategi 5:**  
Memperkenalkan keseragaman dalam amalan berkaitan dengan penilaian dan analisis sumber air.

**Pelan Tindakan Strategik:**  
**PTS9:** Kaji semula dan bangunkan kriteria baru bagi penilaian dan analisis bentuk, status dan keadaan sumber air.

**Target 3:**  
**Standardise Multiple Scientific Processes And Methods Related To Evaluation And Analysis Of State, Status And Condition Of Water Resources**

**Strategy 5:**  
*Introduce uniformity in practices related to water resources evaluation and analysis.*

**Strategic Action Plan:**  
**PTS9:** Review existing and develop new criteria for water resources state, status and condition evaluation and analysis.

## **TERAS 2: INTEGRITI SUMBER AIR**

### **Sasaran 4:**

**Tetapkan Piawaian Kebangsaan Bagi Menentukan Nilai Ambang Sumber Air Bagi Melindungi Kebolehdapatan Dan Integriti Jasad Air**

### **Strategi 6:**

Memperbaiki dan membangun langkah-langkah bagi menentukan nilai ambang dan perolehan sumber air dan integriti jasad sumber air.

### **Pelan Tindakan Strategik:**

**PTS10:** Profil kaedah dan langkah yang digunakan bagi menentukan nilai ambang dan perolehan; dan

**PTS11:** Bangunkan sistem penggabungan maklumat untuk menetapkan piawaian dan parameter kebangsaan bagi penetapan nilai ambang dan tahap perolehan bagi pelbagai jenis sumber dan jasad air.

### **Strategi 7:**

Membangun piawai berkaitan sumber air kebangsaan (Contoh: kualiti, isipadu, aliran alam sekitar dan kesihatan jasad air).

### **Pelan Tindakan Strategik:**

**PTS12:** Kaji semula, semak dan selaras piawaian semasa, bagi menentukan integriti dan tahap kesihatan sumber air.

## **THRUST 2: WATER RESOURCES INTEGRITY**

### **Target 4:**

**Set National Standards To Determine Thresholds For Water Resources To Protect Their Availability And Integrity Of Waterbodies**

### **Strategy 6:**

*Improve and develop measures to determine threshold and yield of water resources and integrity of water resources bodies.*

### **Strategic Action Plan:**

**PTS10:** Profile methods and measures used to determine threshold and yield; and

**PTS11:** Develop system to consolidate information to establish national standards and parameters for setting threshold and yield levels for different water resources types and waterbodies.

### **Strategy 7:**

*Develop national water resources related standards. (e.g. quality, volume, environmental flow and waterbody health).*

### **Strategic Action Plan:**

**PTS12:** Review, revise and reconcile current standards for determining integrity and health of water resources.



Pulau Kerengga, Terengganu

### Sasaran 5:

**Mengurangkan Kerentanan Sumber Air Terhadap Impak Dan Ancaman Serta Kukuhkan Adaptibiliti Terhadap Perubahan Ekosistem Dan Fizikal**

### Strategi 8:

Mengenal pasti ancaman, impak dan bencana yang memberi kesan kepada sumber dan jasad air termasuk semua bentuk ancaman, bencana dan impak yang berpunca dari jasad air.

### Pelan Tindakan Strategik:

**PTS13:** Kenal pasti ancaman sedia ada dan yang baru terhadap dan daripada sumber air termasuk jasad air;

**PTS14:** Kenal pasti opsyen dan langkah-langkah untuk mengurangkan ancaman, impak dan kejadian-kejadian bencana yang merentasi sempadan;

**PTS15:** Tentukan langkah-langkah bagi membantu adaptasi sumber air terhadap ancaman sedia ada dan yang baru seperti perubahan iklim dan malapetaka;

**PTS16:** Kenal pasti dan membangun pelan pemuliharaan sumber air bagi kawasan berisiko tinggi; dan

**PTS17:** Kenal pasti langkah-langkah bagi memastikan daya ketahanan sumber air daripada tekanan, ancaman, bencana dan kejadian malapetaka.

### Target 5:

**Reduce Vulnerability Of Water Resources To Impacts And Threats As Well As Strengthen Adaptability To Ecosystems And Physical Changes**

### Strategy 8:

*Identify threats, impacts and hazards that affect water resources and bodies including all forms of threats, hazards and impacts ensuing from waterbodies.*

### Strategic Action Plan:

**PTS13:** *Identify existing and emerging threats to and from water resources as well as waterbodies;*

**PTS14:** *Identify options and measures to reduce, mitigate and remove stress, threats, impacts and risks including transboundary risks, threats, impacts and hazard events;*

**PTS15:** *Determine measures to aid adaptation of water resources to threats and emerging threats e.g. climate change and disasters;*

**PTS16:** *Identify and develop water resources conservation plans for high risk areas; and*

**PTS17:** *Identify options for ensuring resiliency of water resources from stress, threats, impacts, hazard and disaster events.*



Sungai Muar, Johor

**Sasaran 6:**  
**Membangunkan Pelan Pemuliharaan Sumber Air Untuk Kawasan Dan Jasad Sumber Air Yang Strategik, Sensitif Dan Kritikal**

**Strategi 9:**  
Menentukan daya ketahanan kawasan dan jasad air terhadap tekanan, impak dan kejadian bencana.

**Pelan Tindakan Strategik:**

- PTS18:** Profil ciri-ciri dan sifat tekanan, risiko, ancaman dan bencana;
- PTS19:** Kenal pasti langkah-langkah pemuliharaan sumber air, sasaran dan pelan-pelan tindakan;
- PTS20:** Kenal pasti tahap dan klasifikasi sensitiviti dan kawasan dan zon yang sensitif; dan
- PTS21:** Kenal pasti kawasan tadahan utama dan opsyen penzonan.

**Strategi 10:**  
Menentukan langkah-langkah berdasarkan kepada penyesuaian untuk pembangunan terkawal di kawasan yang dikenal pasti untuk pembangunan.

**Pelan Tindakan Strategik:**

- PTS22:** Profil langkah-langkah untuk membantu penyesuaian;
- PTS23:** Bangunkan pangkalan data dan peta untuk sumber air sensitif; dan
- PTS24:** Terapkan penggunaan data berhubung kesensitifan dalam proses perancangan pembangunan fizikal negara, termasuk penilaian, kajian semula dan penaksiran pembangunan program dan projek.

**Target 6:**  
